

MINDA PKN

Mesyuarat JPKA Bil. 4/2024 Bagi Suku Ketiga Tahun 2024
14 November 2024 | 9.30 Pagi | Bilik Gerakan Negeri

Kandungan

01

Pelan Pengurusan Kewangan MADANI
2025 – 2030 Negeri Sembilan

02

Arahan Perbendaharaan (AP) 59

03

Tarikh-Tarikh Penting Penutupan Akaun
Tahun 2024

01

Pelan Pengurusan Kewangan
MADANI 2025 – 2030 Negeri Sembilan



Pelan Pengurusan Kewangan MADANI 2025 – 2030 Negeri Sembilan telah diluncurkan secara rasminya pada 26 Oktober 2024 bertempat di Klana Resort Seremban. Majlis peluncuran telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

Visi & Misi Pelan Pengurusan Kewangan MADANI



Visi

Menjadikan Negeri Sembilan Model
Pengurusan Kewangan Terbaik Ke Arah
Melahirkan Negeri Yang Makmur,
Sejahtera dan Bahagia
(Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur)



Misi

Melakukan Transformasi Pengurusan
Kewangan Berteraskan Prinsip Islah,
Itqan dan Saksama

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

M

Kemampanan

1. Hasil melebihi RM500 juta setiap tahun
2. Pertumbuhan hasil sekurang-kurangnya 5.0% setahun
3. Rezab Negeri mampu menampung 12 bulan tanggungan Kerajaan
4. Kutipan hasil Negeri mencecah RM1.0 billion menjelang tahun 2030

A

Kesejahteraan

5. Agihan belanjawan 100% bersifat inklusif merentasi sektor dan demografik secara saksama
6. Defisit tidak melebihi 5.0% daripada Anggaran Hasil

D

Daya Cipta

7. Pembangunan Gerbang Pembayaran Tunggal secara atas talian (N9PAY)

A

Hormat

8. Pembaharuan dan pembaikan regulatori secara berterusan tidak melebihi 5 tahun (GRP)

N

Keyakinan

9. Sijil audit bersih dengan sifar penemuan punitive
10. Pelaksanaan Pelan Integriti Kewangan (PIKEW)

I

Ihsan

11. Prestasi Perbelanjaan Mengurus (OE) dan Pembangunan (DE) melebihi 90% setahun
12. Pembasmian Kemiskinan Tegar – 0%

Pelan Pengurusan Kewangan MADANI
akan memacu



Big Picture Key Results Area (KRA), Strategi & Inisiatif Pelan Tindakan

KRA 1

Pengumpulan &
Penjanaan
Kekayaan

6

Strategi

38

Inisiatif
Pelan
Tindakan

KRA 2

Perlindungan &
Pengagihan
Kekayaan

5

Strategi

9

Inisiatif
Pelan
Tindakan

KRA 3

Pemantauan
Kekayaan

2

Strategi

2

Inisiatif
Pelan
Tindakan

Big Picture Key Results Area (KRA), Strategi & Inisiatif Pelan Tindakan

KRA 1

Pengumpulan &
Penjanaan Kekayaan

Strategi 1: Meneroka Sumber Hasil Baharu

Strategi 2: Menyemak/ Mengkaji Tarif/ Kadar

Strategi 3: Mengawal Ketirisan Hasil

Strategi 4: Ekonomi Digital

Strategi 5: Mempercepatkan Pemajuan Pembangunan

Strategi 6: Kebenaran Merancang

38

Inisiatif

21 Inisiatif Pentadbiran Tanah

12 Inisiatif Bukan Pentadbiran Tanah

5 Pemajuan Pembangunan

Big Picture Key Results Area (KRA), Strategi & Inisiatif Pelan Tindakan

KRA 2

Perlindungan &
Pengagihan Kekayaan

Strategi 1: Mengawal Rizab Kerajaan Negeri

Strategi 2: Mengawal Defisit Belanjawan

Strategi 3: Menyediakan Belanjawan Berimbang

Strategi 4: Mengawal Perbelanjaan (OE/ DE)

Strategi 5: Menjamin Pertumbuhan Hasil

9

Inisiatif

6 Inisiatif Bukan Pentadbiran Tanah

3 Pemajuan Pembangunan

Big Picture Key Results Area (KRA), Strategi & Inisiatif Pelan Tindakan

KRA 3

Pemantauan Kekayaan

Strategi 1: Mengurus Kewangan Dengan Berintegriti

Strategi 2: Memantau Tatakelola Kewangan Agensi
Negeri/ Badan Berkanun & Anak Syarikat

2

Inisiatif

2 Inisiatif Bukan Pentadbiran Tanah

Way Forward Pelan Pengurusan Kewangan MADANI



Membangunkan modul pengajaran & pembelajaran (P&P) Pelan Pengurusan Kewangan MADANI bagi **menanam penghayatan terhadap Nilai Teras Al Qawiyy Al Amin, Hafizun Alim**;



Membangunkan modul P&P Pelan Pengurusan Kewangan MADANI untuk setiap KRA, strategi dan pelan tindakan inisiatif bagi membolehkan kesemua **12 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dapat dicapai menjelang tahun 2030**; dan



Pemantauan tatakelola pengurusan kewangan dan perakaunan secara berkala melalui **pematuhan terhadap Pelan Integriti Kewangan (PIKEW)**.

02

Arahan Perbendaharaan (AP) 59

AP 59 – Pembayaran Bagi Bekalan, Kerja Atau Perkhidmatan Yang Dipesan, Dibekal Atau Disempurnakan Dengan Suci Hati Tidak Boleh Ditahan

AP 59(a) – Walau apa pun peruntukan mana-mana Arahan Perbendaharaan yang lain, pembayaran suatu bil yang dikemukakan dengan sempurnanya oleh seseorang bagi bekalan, kerja atau perkhidmatan yang dipesan dan **dibekalkan atau disempurnakan dengan suci hati kepada Kerajaan tidak boleh ditahan** oleh apa-apa sebab keraguan sama ada pertanggungan itu telah dilakukan dengan sepatutnya oleh pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab.


AP 59 – Pembayaran Bagi Bekalan, Kerja Atau Perkhidmatan Yang Dipesan, Dibekal Atau Disempurnakan Dengan Suci Hati Tidak Boleh Ditahan

AP 59(b) – Jika Pegawai Kewangan Negeri berpuas hati bahawa suatu tanggungan kontrak telah dilakukan, tetapi berpendapat bahawa seseorang pegawai mungkin telah salah pada melakukannya, bil itu hendaklah dibayar dengan segera dan **dipertanggungkan pada mula-mulanya kepada Akaun Kumpulan Wang Pendahuluan Diri (Pegawai Awam) atas nama pegawai yang berkenaan, atau jika nama pegawai yang berkenaan tidak dapat ditentukan dengan serta merta, atas nama jawatan Pegawai Pengawal yang berkenaan sementara menantikan keputusan penyelesaian perkara tersebut.**

AP 59 – Pembayaran Bagi Bekalan, Kerja Atau Perkhidmatan Yang Dipesan, Dibekal Atau Disempurnakan Dengan Suci Hati Tidak Boleh Ditahan

AP 59(c) – Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan satu (1) laporan bertulis bagi menghuraikan sebab yang mendorongnya menyimpang daripada cara biasa dan mengemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri **tidak lewat dari 60 hari daripada tarikh pendahuluan diri diluluskan**. Pelarasan pendahuluan diri hendaklah dilakukan dengan segera tetapi tidak lewat dari 60 hari setelah mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri.

AP 59 – Pembayaran Bagi Bekalan, Kerja Atau Perkhidmatan Yang Dipesan, Dibekal Atau Disempurnakan Dengan Suci Hati Tidak Boleh Ditahan



Prosedur permohonan pendahuluan diri di bawah AP 59 hendaklah merujuk kepada **Pekeliling Perbendaharaan WP 10.2 – Pengurusan Pembayaran Di Bawah AP 59 dan dibaca bersama Pekeliling PKWNS Bilangan 8 Tahun 2023 – Tatacara dan Peraturan Mengenai Pendahuluan Diri Di Bawah AP 59, AP 322 dan AP 327(b)**

Contoh Penyimpangan Dalam Perolehan Bekalan, Kerja Atau Perkhidmatan:



Perolehan tanpa kelulusan Pegawai Pengawal

- Sebarang perolehan bekalan, kerja atau perkhidmatan hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Pegawai Pengawal selaras dengan AP 168 – Keizinan Membuat Perolehan



Perolehan tanpa dokumen kontrak (Surat Setuju Terima, Pesanan Kerajaan, Inden Kerja)

- Bagi menjaga kepentingan Kerajaan, setiap perolehan hendaklah dilaksanakan bersama Surat Setuju Terima (SST), Pesanan Kerajaan, Inden Kerja atau Dokumen Kontrak yang mana bersesuaian selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PK 4.2.



Perolehan Perunding Tidak Mengikut Prosedur

- Pelantikan perunding hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan PK 3.1 – Perolehan Perunding Secara Am

Perolehan Perunding

PK 3.1



KERAJAAN MALAYSIA

Perolehan Perunding Secara Am

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

Pekeliling Perbendaharaan PK 3.1 –
Perolehan Perunding Secara Am

Empat (4) Pihak Berkuasa Melulus (PBM) bagi
permohonan perolehan perkhidmatan perunding:

1. Pegawai Pengawal/ Pegawai Yang Diturun Kuasa;
2. Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH);
3. Lembaga Perolehan Negeri (LPN); dan
4. Pegawai Kewangan Negeri

Kaedah Perolehan Perkhidmatan Perunding

KAEDAH	HAD NILAI	PBM
Lantikan Terus Beserta Kos Siling (LTBKS)	(a) Kos kerja ukur sehingga RM50 ribu (b) Kos kajian sehingga RM50 ribu (c) Kos perkhidmatan perunding fizikal sehingga RM50 ribu	Pegawai Pengawal/ Pegawai yang diturunkan kuasa secara bertulis

Kaedah Perolehan Perkhidmatan Perunding

KAEDAH	HAD NILAI	PBM
Lantikan Terus Beserta Kos Siling (LTBKS)	(a) Kos kerja ukur melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu (b) Kos kajian melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu (c) Kos perkhidmatan perunding fizikal melebihi RM50 ribu sehingga RM500 ribu (d) Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM20 juta	Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH)

Kaedah Perolehan Perkhidmatan Perunding

KAEDAH	HAD NILAI	PBM
Lantikan Terus Beserta Kos Siling (LTBKS)	(a) Kos perkhidmatan perunding fizikal melebihi RM500 ribu; dan (b) Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM20 juta sehingga RM50 juta	Lembaga Perolehan Negeri (LPN)

Kaedah Perolehan Perkhidmatan Perunding

KAEDAH	HAD NILAI	PBM
Tender Terbuka/ Tender Terbuka Pra Kelayakan	(a) Kos kerja ukur sehingga RM5 juta; (b) Kos kajian sehingga RM5 juta; (c) Kos projek pembangunan fizikal sehingga RM300 juta.	Lembaga Perolehan Negeri (LPN)


Kaedah Perolehan Perkhidmatan Perunding

KAEDAH	HAD NILAI	PBM
Tender Terbuka/ Tender Terbuka Pra Kelayakan	(a) Kos kerja ukur melebihi RM5 juta; (b) Kos kajian melebihi RM5 juta; (c) Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM300 juta.	Pegawai Kewangan Negeri

Kaedah Perolehan Perkhidmatan Perunding

KAEDAH	HAD NILAI	PBM
Rundingan Terus	(a) Kos kerja ukur melebihi RM500 ribu; (b) Kos kajian melebihi RM500 ribu; (c) Kos projek pembangunan fizikal melebihi RM50 juta; (d) Tertakluk kepada syarat dan kriteria serta perlu mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri	Pegawai Kewangan Negeri

Proses Perolehan Perkhidmatan Perunding



Lampiran C

Pekeliling Perbendaharaan PK 3.1

Kesimpulan



AP 167.1 – **Pegawai Pengawal bertanggungjawab ke atas perolehan termasuk dengan membayar balik apa-apa kerugian** berhubung dengan penyeliaan, penyelenggaraan dan pengawalan am bekalan, perkhidmatan dan kerja yang diterima atau dipegang oleh Jabatan yang perbelanjaannya dikawal oleh Pegawai Pengawal.



AP 167.2 – **Pegawai awam bertanggungjawab ke atas perolehan termasuk dengan membayar balik jika berlaku kerugian** berhubung dengan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang diterima di bawah kawalannya atau simpanannya.

03

Tarikh-Tarikh Penting Penutupan Akaun Tahun 2024

Tarikh-Tarikh Penting Penutupan Akaun Tahun 2024

BIL.	PERKARA	TARIKH AKHIR
1.	Pindah Peruntukan	15 November 2024 Jumaat
2.	Pengeluaran Inden Kerja	15 November 2024 Jumaat
3.	Pengeluaran Pesanan Tempatan	29 November 2024 Jumaat
4.	Penyelesaian Baucar Bayaran	26 Disember 2024 Khamis



Sekian
Terima
Kasih